

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2015

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab bagi pengurangan dalam rizab luar negeri dan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengenakan semula kawalan mata wang kerana nilai ringgit yang semakin lemah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kedudukan rizab

antarabangsa negara terkini mencatat RM386 bilion atau USD110.5 bilion pada 27 Februari 2015, mampu membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan 1.1 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Paras rizab ini telah mengalami penurunan sejak akhir September 2014 (RM416.9 bilion; USD127.3 bilion). Faktor-faktor yang mendorong penurunan rizab termasuk aliran keluar pelaburan portfolio, pengukuhan dolar Amerika Syarikat, jangkaan normalisasi kadar faedah oleh US Federal Reserve seiring dengan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat serta impak kejatuhan harga minyak mentah global yang mendadak.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan semula kawalan matawang seperti krisis tahun 1997 kerana keadaan Malaysia pada ketika itu adalah amat berbeza jika dibanding dengan sekarang. Ini adalah kerana, keadaan ekonomi semasa didorong oleh perkembangan global yang juga telah memberi kesan kepada negara serantau yang lain. Meskipun berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi global, namun kegiatan aktiviti ekonomi semasa domestik (*real economy*) dan akses

kewangan untuk membiayai aktiviti sektor swasta masih tidak terjejas.